

1

Apakah yang dimaksudkan dengan mutaah?

Mutaah ialah suatu pembayaran sugu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau pun barang. Sugu hati mutaah ini dikira bayaran yang wajib apabila perceraian itu berlaku bukan disebabkan oleh kesalahan pihak bekas isteri.

2

Apakah hukum mengenai mutaah?

Jumhur ulama menyatakan hukum asal mutaah ialah sunat iaitu suatu amalan yang digalakkan terhadap suami yang telah menceraikan isterinya. Alasan pendapat ini disandarkan kepada ayat 236 surah Al-Baqarah yang bermaksud:

“Hendaklah kamu memberikan Mutaah (iaitu pemberian sugu hati) kepada mereka yang diceraikan itu, iaitu suami yang senang hendaklah memberikannya menurut kemampuan mereka dan bagi suami yang susah menurut kemampuannya sebagai pemberian sugu hati menurut apa yang patut dan menjadi satu kewajipan ke atas orang yang mahu berbuat demikian”.

Mengikut Imam Shafie, mutaah itu wajib diberikan kepada isteri sama ada dia diceraikan sebelum atau selepas disetubuhi, sudah ditentukan maharnya atau belum. Ia boleh diberikan dalam bentuk wang, pakaian dan barang lain.

3

Apakah tujuan mutaah itu?

Mutaah bertujuan untuk meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh bekas isteri akibat diceraikan oleh bekas suaminya.

4

Apakah prasyarat untuk isteri memohon mutaah di Malaysia?

Dengan pemberian mutaah ini kepada bekas isteri –

- akan membolehkan isteri itu untuk berdikari dan memulakan hidup baru selepas bercerai;
- akan mengelakkan prasangka buruk masyarakat terhadap isteri itu bahawa perceraian adalah berpunca daripada kesalahan isteri;
- ia merupakan penghargaan daripada suami atas sumbangan dan peranan isteri.

4

Apakah prasyarat untuk isteri memohon mutaah di Malaysia?

Prasyarat untuk isteri memohon mutaah di Malaysia adalah seperti yang berikut:

- wujud perkahwinan yang sah;
- berlaku perceraian bukan berpunca daripada isteri;
- berlaku perceraian hidup;
- berlaku persetubuhan;
- perceraian bukan disebabkan oleh suami papa.

5

Apakah faktor yang menggugurkan hak mutaah?

Faktor yang menggugurkan hak mutaah adalah seperti yang berikut:

- isteri yang nusyuz yang disabitkan oleh mahkamah;

6

Bagaimanakah cara untuk menentukan kadar mutaah itu?

- isteri yang diceraikan sebelum bersetubuh dan mas kahwin disebut dalam akad;
- isteri murtad;
- perceraian secara tebus talak.

6

Bagaimanakah cara untuk menentukan kadar mutaah itu?

Tidak terdapat suatu panduan tertentu yang boleh dijadikan formula tetap untuk menentukan kadar dalam pemberian mutaah daripada seorang bekas suami kepada seorang isteri yang diceraikan. Namun begitu, terdapat prinsip umum yang menyatakan bahawa sesuatu pemberian hendaklah diasaskan kepada –

- kemampuan suami;
- status pasangan;
- tempoh perkahwinan;
- pengorbanan isteri.

7

Apakah peruntukan mengenai mutaah dalam Undang-Undang Keluarga Islam?

Peruntukan mengenai mutaah pada umumnya terdapat dalam semua Enakmen Keluarga Islam Negeri. Seksyen 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, misalnya menyebut –

“Sebagai tambahan kepada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mutaah atau

pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.

8

Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan kepada isteri yang diceraikan untuk menuntut mutaah?

Boleh. Pemohon yang ingin mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir yang berikut:

- (a) butir-butir perkahwinan
 - Surat perakuan cerai.
- (b) butir-butir pihak kena tuntutan
 - Nama/alamat dan pekerjaan suami
 - Nama dan alamat majikan suami.
- (c) laporan-laporan berkaitan
 - Penyata gaji/pendapatan suami
 - Dokumen lain yang berkaitan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut :

**IBU PEJABAT
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL
UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA**

NO. TELEFON : 03-88851000
NO. FAKSIMILE : 03-88851829 / 1830 / 1831

LAMAN WEB : www.jbg.gov.my
SMS : Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

CATATAN :
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

MUTAAH



Diterbitkan oleh
JABATAN BANTUAN GUAMAN